

31/10/1997

OIC cari jalan selamatkan khazanah Islam

Nazar Abdul in Jakarta

JAKARTA, Khamis - Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) akan menubuhkan badan khas untuk mencari jalan menyelamatkan pelbagai khazanah Islam di seluruh dunia.

Menteri Di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Hamid Othman, berkata badan itu akan berusaha mengenal pasti bahan-bahan penting seperti manuskrip mengenai pemikiran Islam yang disimpan di beberapa negara Eropah, untuk dikumpul dan disimpan di negara Islam.

Beliau yang mengetuai delegasi Malaysia ke Muktamar Keenam Menteri Wakaf dan Hal Ehwat Islam OIC di sini berkata, cadangan itu adalah antara agenda penting yang dibincangkan perwakilan.

Menurutnya, usaha mencari bahan lama mengenai pemikiran Islam dan karya agung tokoh-tokoh Islam silam penting untuk membentuk keperibadian umat Islam zaman sekarang.

Selain itu, muktamar berkenaan membincangkan secara terperinci mengenai pelbagai cara berkesan untuk menyampaikan dakwah Islam.

Dr Hamid berkata, kebanyakan perwakilan bersetuju bahawa kaedah yang sebaiknya ialah yang sesuai dengan keadaan masyarakat dan negara terbabit.

"Yang penting ialah cara dan kegiatan dakwah itu tidak bercanggah dengan ajaran Islam," jelasnya.

Muktamar itu juga membincangkan masalah tanah wakaf dan usaha serta projek yang sesuai untuk dimanfaatkan secara maksimum oleh umat Islam.

Muktamar Ketujuh Menteri Wakaf dan Hal Ehwat Islam OIC akan diadakan di Kuala Lumpur tiga tahun akan datang. Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sudah memberi restu bagi muktamar itu yang dianggap sebagai satu penghormatan kepada Malaysia.

Ketika di sini, Dr Hamid juga mengadakan rundingan dengan wakil Mozambique yang berminat untuk mengadakan kerjasama teknikal dengan pegawai Tabung Haji.

Selain itu beliau juga berbincang dengan Gabenor Wilayah Autonomi Islam Mindanao Nur Misuari mengenai projek Tabung Haji di wilayah berkenaan.

(END)